



# **GARIS PANDUAN PENDAFTARAN SYARIKAT PERKHIDMATAN SERTU NEGERI PULAU PINANG**

---

**BAHAGIAN PENGURUSAN HALAL  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG**

# **GARIS PANDUAN PENDAFTARAN SYARIKAT PERKHIDMATAN SERTU NEGERI PULAU PINANG**

## **1. TUJUAN**

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang serta pihak-pihak yang berkaitan dalam pengurusan pendaftaran Syarikat Perkhidmatan Sertu Negeri Pulau Pinang.

## **2. RUJUKAN**

- 2.1 Garis Panduan Pengurusan Sertu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- 2.2 Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020.
- 2.3 *Malaysia Halal Management System 2020* (MHMS 2020).
- 2.4 Lain-lain undang-undang dan peraturan berkaitan yang berkuatkuasa.

## **3. SINGKATAN**

BPH : Bahagian Pengurusan Halal

JHEAIPP : Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

MAINPP : Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

PPS : Pegawai Pemantau Sertu

SPS : Syarikat Perkhidmatan Sertu

SSM : Suruhanjaya Syarikat Malaysia

## **4. DEFINISI**

- 4.1 Pihak Berkuasa:  
JHEAIPP, MAINPP dan SSM

## **5. PERMOHONAN PENDAFTARAN SYARIKAT PERKHIDMATAN SERTU (SPS)**

- 5.1 Pendaftaran SPS adalah percuma.

## 5.2 Syarat kelayakan permohonan

- 5.2.1 Milik orang Islam dan warganegara Malaysia;
- 5.2.2 Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- 5.2.3 Mempunyai juru sertu yang berkelayakan seperti berikut:
  - a. Islam
  - b. Warganegara Malaysia
  - c. Berumur 18 tahun dan ke atas
  - d. Sihat tubuh badan
- 5.2.4 Pemohon hendaklah mengisi Borang Permohonan Pendaftaran Syarikat Perkhidmatan Sertu dengan lengkap.

## 5.3 Pendaftaran sebagai syarikat perkhidmatan sertu

- 5.3.1 Pemohon yang memenuhi syarat hendaklah lulus temuduga yang ditetapkan;
- 5.3.2 Pemohon yang lulus akan disyorkan untuk diperakukan pendaftaran oleh Pengarah JHEAIPP;
- 5.3.3 Status permohonan bersama akuan pengarah JHEAIPP akan dikemukakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pensijilan Halal Malaysia untuk kelulusan;
- 5.3.4 Sijil Pendaftaran Sebagai Syarikat Perkhidmatan Sertu bagi Negeri Pulau Pinang akan dikeluarkan kepada pemohon yang lulus; dan
- 5.3.5 Tempoh sah laku pendaftaran di bawah JHEAIPP berkuatkuasa selama tiga (3) tahun daripada tarikh keluaran sijil pendaftaran.

## 5.4 Pembaharuan pendaftaran

- 5.4.1 Permohonan pembaharuan pendaftaran SPS hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tarikh pendaftaran sedia ada; dan
- 5.4.2 Permohonan hendaklah dibuat dengan mengemukakan Borang Permohonan Pembaharuan Pendaftaran Syarikat Perkhidmatan Sertu yang telah lengkap diisi kepada BPH JHEAIPP.

## 5.5 Penamatan pendaftaran

Pendaftaran sebagai SPS boleh ditamatkan sekiranya syarikat atau mana-mana pekerja syarikat:-

- 5.5.1 Disabitkan dengan kesalahan jenayah oleh mana-mana Mahkamah;

- 5.5.2 Tidak mematuhi apa-apa arahan, peraturan atau larangan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa;
  - 5.5.3 Berkelakuan dengan cara yang mencemarkan Agama Islam;
  - 5.5.4 Tidak diperakui untuk disambung pendaftaran oleh Pengarah;
  - 5.5.5 Tidak membuat permohonan untuk pendaftaran semula sebagai SPS dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat sijil pendaftaran; dan
  - 5.5.6 Menghantar surat penarikan diri sebagai Syarikat Perkhidmatan Sertu kepada JHEAIPP.
- 5.6 Tugas dan tanggungjawab SPS
- 5.6.1 Memantau dan menilai lokasi yang perlu disertu berdasarkan keperluan hukum syarak;
  - 5.6.2 Mengemukakan permohonan kepada BPH supaya PPS hadir sebagai saksi semasa proses sertu dijalankan;
  - 5.6.3 Melaksanakan proses sertu pada lokasi yang telah dikenal pasti mengikut kehendak hukum syarak; dan
  - 5.6.4 Memastikan proses sertu dilaksanakan dengan baik, cekap, telus dan memenuhi hukum syarak.
- 5.7 Ketetapan Tambahan
- 5.7.1 Kadar bayaran yang ditetapkan oleh SPS adalah tertakluk kepada persetujuan antara pemohon sertu dan tiada kaitan dengan BPH;
  - 5.7.2 SPS tidak boleh membuat apa-apa tuntutan kepada JHEAIPP;
  - 5.7.3 SPS hendaklah tiada apa-apa kaitan dan kepentingan dengan PPS JHEAIPP semasa melaksanakan tugas di lokasi yang sama; dan
  - 5.7.4 Pemohon sertu boleh memilih dan melantik mana-mana orang atau SPS sama ada berdaftar di bawah JHEAIPP atau tidak berdaftar. Pendaftaran ini sebagai pengiktirafan dan sokongan JHEAIPP kepada syarikat perkhidmatan sertu yang berdaftar dengan menyenaraikan nama syarikat berdaftar dalam senarai SPS di negeri Pulau Pinang.

## **6. KECUALIAN AM**

- 6.1 Walau apapun peruntukan di dalam Garis Panduan ini, Jawatankuasa Panel Pensijilan Halal Malaysia Negeri Pulau Pinang adalah berkuasa menambah, meminda atau mengurangkan apa-apa yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa.
- 6.2 Sebarang keputusan adalah muktamad.

## **7. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA**

Garis Panduan ini terpakai dan berkuatkuasa mulai 01 Januari 2024.

Pengarah,  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

Tarikh: 01 Januari 2024